

Buletin SIHAT MADANI

BIL 3/2023



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



PROGRAM MADANI AFIAT DAN SAMBUTAN HARI MALARIA SEDUNIA PERINGKAT



**ISTIADAT KONVOKESYEN
INSTITUT LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**



**PELANTIKAN KETUA SETIAUSAHA
(KSU) KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA**



**PIAGAM PROJEK ANTARA PIHAK
BERKUASA PERANTI PERUBATAN
(MDA)**



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SIDANG PENGARANG BULETIN SIHAT MADANI

Ketua Pengarang
Yamuna Perimalu

Pengarang
Mona Ang




Infografik
Mohd Iswandy bin Wally
Nor Affah binti Hasbullah

Sidang redaksi Buletin Sihat Madani Bil.3-8/ 2023 merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi KKM dan semua bahagian di KKM yang menjayakan penerbitan Buletin Sihat Madani Bil.3-8/ 2023.

Bagi sebarang makluman dan pertanyaan, sila hubungi:

Sidang Buletin Sihat Madani
Unit Komunikasi Korporat
Aras 4, Blok E7
Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya Malaysia.

Tel : 03-8883 3481 / 3675
Faks : 03-8888 6187
E-mel : mona.ang@moh.gov.my

 <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>
 <https://www.instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia/>
 <https://twitter.com/KKMPutrajaya>



Buletin

SIHAT MADANI

Isi Kandungan

PERASMIAN KONGRES SAINS TAHUNAN MALAYSIAN
SOCIETY OF HYPERTENSION (MSH)

08

LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN
KE PULAI LANGKAWI

18

MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN KOMPUTER OLEH
PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

27

SAMBUTAN HARI MALAYSIA

38

ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM 2023)

64



KONGRES PERUBATAN MALAYSIA-SINGAPURA KE-56 DAN KONGRES ANTARABANGSA MYWOMAN



YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri ke Kongres Perubatan Malaysia-Singapura ke-56 dan Kongres Antarabangsa *MyWoman* 2023 bagi sesi pleno khas bertajuk Wanita dan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur pada 7 Julai 2023.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. Dalam sesi pleno khas yang disampaikan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, beliau telah menekankan bahawa penyakit tidak berjangkit juga menimbulkan beban kesihatan yang besar di seluruh dunia dan kesannya terhadap wanita tperlu diberi perhatian.

Hadir sama, YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang telah menerima anugerah Orasi Tun Dr Ismail ke-24.





MAJLIS PELANCARAN MADANI AFIAT, GOTONG-ROYONG MEGA PERANGI AEDES 1.0 & ONE HOUR MALAYSIA CLEAN UP

Pada 9 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Madani Afiat, Gotong-royong Mega Perangi Aedes 1.0 & *One Hour Malaysia Clean Up* Peringkat Kebangsaan 2023 bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor di Dewan Rakyat Batu Caves, Gombak Selangor.

Program yang dicetuskan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa ini merupakan salah satu inisiatif utama dalam merealisasikan Tonggak Kedua Kertas Putih Kesihatan 2023 yang menggariskan peralihan fokus merawat pesakit kepada paradigma baharu iaitu daripada *Sick Care* kepada *Health Care*. Aktiviti *One Hour Malaysia Clean Up* pula merupakan usaha usaha KKM dalam menggerakkan masyarakat awam mengadakan aktiviti membersihkan kawasan persekitaran pada setiap hari sabtu minggu keempat setiap bulan sejajar dengan salah satu inisiatif di bawah Teras 4, Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) iaitu Memantapkan Kebersihan Persekitaran.

Turut hadir ialah YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazaman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan YBhg. Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman Pengarah Kesihatan Negeri Selangor.

MAJLIS PELANCARAN SEREMBAN DIABETES (SEDIA)

Pada 8 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Seremban Diabetes (SeDia) Cohort di Hotel Royal Chulan, Seremban. Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir telah berkenan mencemar duli menghadiri majlis pelancaran pada pagi ini, melambangkan keprihatinan dan kasih sayang Tuanku kepada rakyat.

Untuk makluman, adalah dianggarkan 3.9 juta rakyat Malaysia dewasa menghidap diabetes. Kadar penyakit diabetes di Malaysia juga adalah yang tertinggi di rantau Asia Pasifik dan antara yang tertinggi di seluruh dunia. Kadar prevalens diabetes menunjukkan arah aliran peningkatan yang ketara daripada 11.2% dalam tahun 2011 kepada 18.3% dalam Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019.

Turut hadir, YAM Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz, Pengerusi IMU Health Sdn Bhd, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM, YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim S, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, IMU, YBrs. Prof. Dr. Abdul Aziz Baba, Naib Canselor IMU, YBrs. Prof. Gerard George, Pengarah Urusan Kumpulan, IMU dan YBrs. Mr. Jean Francois Na, Ketua Pegawai Eksekutif, IHH Malaysia.



PELANCARAN TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI



Pada 14 Julai 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2023: Penyakit Tidak Berjangkit dan Permintaan Jagaan Kesihatan (NHMS) 2023 di Bangi.

NHMS adalah tinjauan oleh Institut Kesihatan Umum (IKU), Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mendapatkan data berkaitan kesihatan dan morbiditi penduduk. Kajian ini melibatkan kira-kira 6 ribu isi rumah yang dipilih secara rawak di seluruh Malaysia. Aktiviti pengumpulan data merangkumi temubual secara bersemuka, soal selidik penilaian sendiri dan penilaian klinikal seperti antropometri, tekanan darah, glukosa dan kolesterol dalam darah.

NHMS 2023 dijangka dapat memberikan maklumat terperinci terkini tentang status kesihatan penduduk di Malaysia bagi membolehkan Kementerian Kesihatan menilai keutamaan dasar dan strategi program kesihatan di negara ini.

PERASMIAN KONGRES SAINS TAHUNAN MALAYSIAN SOCIETY OF HYPERTENSION (MSH)



YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menyempurnakan Majlis Perasmian Kongres Sains Tahunan *Malaysian Society of Hypertension (MSH)* di Kuala Lumpur pada 14 Julai 2023.

Bertemakan “Mengendalikan Perlindungan Kardiovaskular dalam Hipertensi dan Penyakit Kardiometabolik”, kongres ini memberi fokus kepada keperluan untuk menangani peningkatan kes hipertensi dan perkembangan terkini dalam bidang hipertensi serta perlindungan kardiovaskular.

Kongres saintifik ini memberi peluang kepada para pengamal penjagaan kesihatan yang hadir dalam kalangan pegawai perubatan, doktor penjagaan primer, pakar jantung, pakar dalaman, ahli farmasi, jururawat dan pakar pemakanan untuk berkongsi pengetahuan mereka dalam amalan klinikal harian.





PROGRAM MADANI AFIAT & SAMBUTAN HARI MALARIA SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

Pada 16 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Program Madani Afiat dan Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang Umum EUPE, Taman Ria Jaya, Sungai Petani, Kedah.

Program Madani Afiat merupakan cetusan idea YB Menteri Kesihatan dalam merakyatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program ini juga turut diadakan bersama dengan sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023. Hari Malaria Sedunia merupakan salah satu dari sambutan Hari Kesihatan Awam Sedunia yang diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO. Sambutan Hari Malaria Sedunia disambut pada 25 April setiap tahun bagi mengiktiraf usaha-usaha global dalam mengawal Malaria. Tema sambutan pada tahun 2023 adalah “Time to deliver zero malaria: invest, innovate, implement.” atau “Kekalkan sifar malaria: pendanaan, inovasi, implementasi”.

Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YB Dr. Mohammed Taufiq Johari, Ahli Parlimen Sungai Petani, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), KKM dan YBhg. Dato’ Dr. Haji Othman Warijo, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah. Program ini juga turut diadakan bersama dengan sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023



LAWATAN KERJA YB MENTERI K

Pada 15 Julai 2023, YB YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke 4 fasiliti kesihatan di negeri Terengganu. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Desa Pulau Bahagia, Klinik Desa Kebor Besar, Klinik Desa Durian Burung dan Klinik Desa Atas Tol.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM, YBhg. Dato' Dr. Hjh Kasemani binti Embong, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu, YBrs. Dr. Mohd Anuar bin Abd Rahman, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu (kesihatan Awam) dan YBrs. Dr. Hjh Fatimah Binti Muda, Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Terengganu.

KK DESA PULAU BAHAGIA



KK DESA KEBOR BESAR



KESIHATAN KE TERENGGANU

KK DESA DURIAN BURUNG



KK DESA ATAS TOL





PERSIDANGAN SAINTIFIK PERTAMA OLEH PERSATUAN PENGURUSAN DARAH PESAKIT MALAYSIA

Pada 17 Julai 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Persidangan Saintifik Pertama oleh Persatuan Pengurusan Darah Pesakit Malaysia (*Malaysian Society of Patient Blood Management, MyPBM*) di Hotel Mercure Penang Beach, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.

Penyakit anemia merupakan antara penyebab utama yang mengakibatkan kehidupan seseorang itu dipengaruhi dengan kecacatan, ia juga mempengaruhi lebih daripada 2 bilion orang di seluruh dunia dan lebih daripada separuh mengalami anemia kekurangan zat besi. Persidangan ini juga bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan dan membincangkan inisiatif serta kemajuan PBM dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan.

Turut hadir, YBhg. Dato' Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hasan Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) YBrs. Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan YBrs. Dr. Jameela Sathar, Pengerusi Persatuan Pengurusan Darah Pesakit Malaysia.



MAJLIS PERASMIAN JABATAN KECEMASAN DAN PESAKIT LUAR, HOSPITAL BALIK PULAU

Pada 18 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Bangunan baharu Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau ini telah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 6 Mac 2023. Bangunan baharu ini juga turut menempatkan perkhidmatan seperti Jabatan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Forensik dan Jabatan Patologi serta perkhidmatan lain yang berkaitan.

Turut hadir, YB Dr. Hajah Norlela Ariffin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Dr. Muhammad Radzi Abu Hasan, Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Khalib Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM, YBhg. Dato' Azman Ibrahim Pegawai Kemajuan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, YBrs. Dr. Fazilah Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan YBrs. Tuan Haji Zairi Mat Ali, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan KKM.





MAJLIS PERASMIAN KLINIK KESIHATAN BANDAR PERDA

Pada 17 Julai 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Kesihatan Bandar Perda, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

Klinik Kesihatan (KK) Bandar Perda ini telah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) pada 29 September 2021 dan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 16 Oktober 2021. YB Menteri Kesihatan dalam ucapan beliau juga telah meluluskan peruntukan tambahan untuk KK Bandar Perda berjumlah sebanyak RM150,000.00 bagi kerja-kerja naik taraf dan pembaikan serta pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan untuk keselesaan penduduk setempat.

Turut hadir, YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hasan Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBhg. Datuk Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM, YBhg. Dato' Azman bin Ibrahim Pegawai Kemajuan Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, YBrs. Dr. Fazilah binti Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan YBrs. Tuan Haji Zairi bin Mat Ali, Setiausaha Bahagian Kanan Bahagian Pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia.

PERASMIAN ANJUNG KASIH YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA HOSPITAL SEBERANG JAYA



Pada 17 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan bersama YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah hadir merasmikan Anjung Kasih Yayasan Kebajikan Negara Hospital Seberang Jaya di Hospital Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang.

Anjung Kasih merupakan sebuah penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya ahli keluarga pesakit yang tidak berkemampuan namun mempunyai keperluan untuk menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Anjung Kasih YKN HSJ ini telah mula beroperasi pada Julai 2022 dan mendapat tajaan daripada Kumpulan Sunway iaitu rakan strategik YKN.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha, KPWK, YBhg. Dato' Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hasan Ketua Pengarah Kesihatan KKM, YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Jeffrey Cheah AO, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Razman M. Hashim, Timbalan Pengerusi Eksekutif Sunway Group, YBrs. Dr. Fazilah Shaik Allaudin, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, YBrs. YBrs. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, dan YBrs. Dr. Haji Saiful Azlan Haji Sharif, Pengarah Hospital Seberang Jaya.





MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG

Pada 20 Julai 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menyempurnakan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Putrajaya.

Ini merupakan salah satu acara yang disediakan oleh KKM sempena sambutan Bulan Kebangsaan. bersempena sambutan Bulan Kebangsaan 2023, KKM telah mengatur pelbagai aktiviti serta turut terlibat dalam pertandingan Program Keceriaan Antara Kementerian dalam kategori Keceriaan (dalam dan luar bangunan) dan pemasangan bendera. KKM juga menganjurkan Pameran Sejarah Kemerdekaan, Pameran Evolusi Sektor Perkhidmatan Kesihatan Malaysia, Pameran dan Dekorasi Kemerdekaan Future Hospital dan Pameran dan Dekorasi Kemerdekaan Kertas Putih Kesihatan.

Turut hadir YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).



PROGRAM PERASMIAN MADANI AFIAT DAN PELANCARAN INISIATIF 1 HOUR MALAYSIA CLEANUP PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Pada 23 Julai 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Program Perasmian MadaniAfiat dan pelancaran inisiatif *1HourMalaysiaCleanUp* Peringkat Negeri Terengganu 2023 di Program Perumahan Rakyat (PPR), Padang Hiliran, Kuala Terengganu, Terengganu.

Negeri Terengganu merupakan negeri ketiga bagi pelaksanaan Program Madani Afiat selepas negeri Selangor dan Kedah. Penganjuran Program Madani Afiat yang dilaksanakan sebelum ini telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada masyarakat di kedua-dua negeri tersebut. KKM juga turut melancarkan inisiatif *One Hour Malaysia Clean Up* Peringkat Negeri Terengganu. *One Hour Malaysia Clean Up*

menggalakkan penglibatan dan pembudayaan amalan kebersihan persekitaran dalam kalangan masyarakat setempat

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), YDH DCP Datuk Mazli Mazlan, Ketua Polis Terengganu, YB Tuan Ahmad Shah Muhamed, Timbalan Pengetusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu dan YBhg. Dato' Dr. Hajah Kasemani Embong, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE PULAU LANGKAWI

Pada 24 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan siri lawatan kerja ke Pulau Langkawi. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Komuniti Pulau Tuba dan Klinik Desa Pulau Tuba.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Dr. Othman bin Warijo, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, YBhg. Dato' Abdul Gafar bin Yahya, Pegawai Daerah Langkawi, YBrs. Dr. Norizan binti Ahmad, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Kesihatan Awam) dan YBrs. Encik Manogar David, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Pengurusan).

KLINIK KOMUNITI PULAU TUBA



KLINIK DESA PULAU TUBA



LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE HOSPITAL SULTANAH MALIHA



Komitmen KKM dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan infrastruktur fasiliti kesihatan di Pulau Langkawi diteruskan dengan lawatan YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan ke Hospital Sultanah Maliha bagi meninjau kemajuan kerja bagi Projek Pembinaan Bangunan Tambahan di hospital ini pada 24 Julai 2023.

Projek yang sedang dalam pembinaan ini akan memberikan pertambahan sebanyak 220 katil dan menjadikan jumlah keseluruhan katil di hospital ini adalah sebanyak 330 katil apabila projek ini siap kelak. Kerja-kerja pembinaan ini masih di peringkat awal dan dijadualkan siap pada bulan Julai 2025.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Dr. Othman bin Warijo, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah, YBrs. Dr. Farique Rizal bin Abdul Hamid, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Perubatan), YBrs. Dr. Badariah binti Tambi Chek Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Pergigian), Pn. Nik Mah binti Nik Mat, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Farmasi), YBrs. Encik Manogar David, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Kedah (Pengurusan) dan wakil dari JKR Negeri Kedah.





LAWATAN KE PUSAT OPERASI PERKHIDMATAN RAWATAN PRA HOSPITAL & AMBULANS (PRPA) TITIK PANAS (*HOTSPOT*)

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan merangkap Timbalan Yang di-Pertua Kebangsaan Majlis St. John Ambulans Malaysia (SJAM) telah mengadakan lawatan rasmi ke Pusat Operasi Perkhidmatan Rawatan Pra Hospital dan Ambulans (PRPA) Titik Panas (*Hotspot*) Kota Bharu yang dikendalikan oleh St. John Ambulans Malaysia di Kampung Nilam Puri, Kelantan. SJAM yang diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan agensi auxsiliari yang telah diperbadankan melalui Akta 74 Parlimen Malaysia pada 30 Julai 2023.

Pusat Operasi Hotspot Kota Bharu ini telah mula beroperasi sejak 1 April 2022 dan memberikan PRPA dengan kerjasama Jabatan Kecemasan Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu sebagai Hospital Penyelaras dan Pusat Kordinasi Perubatan Kecemasan MECC (*Medical Emergency Coordination Centre*) Kota Bharu sebagai Pusat Penyelaras. Matlamat utama perkhidmatan ini diperkenalkan bagi membantu mengurangkan masa tindak balas perkhidmatan ambulans ketika kecemasan.

Turut hadir YBhg Dato' Lai See Ming, Pemerintah Agung St John Ambulans Malaysia, YDH Datuk Muhamad Zaki bin Haji Harun, Ketua Polis Negeri Kelantan, YBrs. Dr. Mohd Azman bin Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, YBrs. Dr. Ahmad Tajuddin bin Mohamad Nor, Ketua Turus (Latihan), St. John Ambulans Malaysia, YBhg Dato' Dr. Zaini bin Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, YBrs. Encik Mohd Saipuddin bin Zakaria, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan, Encik Dere Rahuni bin Zainal Abidin dan Penghulu Mukim, Kampung Nilam Puri Kota Bharu.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Pada 31 Julai 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) peringkat negeri Kelantan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Majlis APC ini diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada warga Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) atas sumbangan dan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi di samping penglibatan secara aktif dalam kegiatan sukan, kemasyarakatan, persatuan dan lain-lain sumbangan bakti yang bermanfaat kepada negara. Seramai 1,363 orang warga KKM telah menerima anugerah APC daripada 30 Pusat Tanggung Jawab (PTJ). Di antara jumlah tersebut, seramai 9 orang menerima Sijil Penghargaan Cemerlang (SPC).

hadir YBhg Dato' Dr. Zaini bin Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan, Puan Nazlina binti Ahmad, dan Pengarah Kesihatan (Pengurusan) dan Pengurusan Tertinggi JKN Kelantan.





SAMBUTAN HARI KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN



Pada 2 Ogos 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian majlis Sambutan Hari Keselamatan & Kesihatan Pekerja Kementerian Kesihatan Malaysia di Putrajaya.

Tema “*A safe and healthy working environment as a fundamental principle and right at work,*” bertepatan dengan falsafah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam konteks kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Sementara itu, sebanyak 124 kes jangkitan berkaitan paru-paru telah dilaporkan pada tahun lalu dengan jumlah kes direkodkan sebanyak 123 kes bagi penghidap *Pulmonary Tuberculosis (PTB)* dalam kalangan anggota KKM. KKM terus komited dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja terjaga menerusi Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) WOW.



Turut hadir, YB Tuan Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan dan YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM.





MAJLIS GABUNGAN PRESIDEN DAN SETIAUSAHA AGUNG KESATUAN SEKERJA (MAPSU KKM)

Pada 3 Ogos 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah hadir ke sesi perjumpaan bersama Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja Kementerian Kesihatan Malaysia (MAPSU KKM) di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Perjumpaan ini merupakan satu pendekatan pihak KKM untuk berbincang terus dengan pihak kesatuan sekerja dalam usaha merungkai permasalahan yang dibangkitkan oleh kesatuan. MAPSU menyambut baik komitmen KKM yang memberikan perhatian kepada semua 119 skim perkhidmatan di bawah KKM.

Perjumpaan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Encik Ajulahin bin Japin, Presiden Majlis Gabungan Presiden Dan Setiausaha Agung Kesatuan Sekerja Kementerian Kesihatan Malaysia (MAPSU KKM).





PERASMIAN KLINIK KESEHATAN MANIR

Pada 6 Ogos 2023, YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Klinik Kesihatan Manir di Kuala Terengganu, Terengganu.

Klinik Kesihatan Manir, merupakan klinik kesihatan Jenis 3 yang mana projek pembinaan klinik kesihatan ini telah bermula pada 22 Disember 2016 dan siap sepenuhnya pada 30 September 2019. Klinik ini telah mula beroperasi pada 5 Januari 2020. Klinik ini merupakan klinik gantian daripada klinik lama yang telah berusia 54 tahun. Klinik kesihatan ini menyediakan perkhidmatan klinik pesakit luar, klinik ibu dan

kanak-kanak, klinik pergigian, klinik kecemasan, perkhidmatan kawalan vektor dan perkhidmatan kesihatan untuk sekolah-sekolah bantuan Kerajaan.

Turut hadir pada Majlis Perasmian tersebut ialah YBhg. Dato' Dr. Hj. Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu dan YBrs. Dr. Hj. Fatimah binti Muda, Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Terengganu.





LAWATAN KERJA YB MENTERI KESIHATAN KE HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH (HSNZ)

K_{KM} sentiasa komited dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan infrastruktur fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia. Sehubungan itu, satu lawatan oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) telah diadakan bagi meninjau keperluan bagi menaik taraf kemudahan dan kelengkapan fasiliti di hospital ini pada 7 Ogos 2023.

Semasa sesi lawatan tersebut, YBMK juga telah menyaksikan penyerahan sumbangan Mesin *Ultrasound In-Vitro Fertilization (IVF)* dari pihak MAIDAM (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) kepada Pengarah Kesihatan Negeri yang disampaikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Azrin bin Adnan, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Dr. Hjh Kasemani binti Embong, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, YBrs. Dr. Norazman bin Alias, Pengarah Hospital Sultanah Nur Zahirah, Pengurusan Tertinggi JKN Terengganu dan hospital.



PERASMIAN NATIONAL REGULATORY CONFERENCE 2023 (NRC 2023)

Menteri Kesihatan, YB Dr Zaliha Mustafa telah menyempurnakan perasmian *National Regulatory Conference 2023 (NRC 2023)* di Kuala Lumpur. NRC 2023 bertemakan '*Regulatory Agility, Navigating Winds of Change*' merupakan satu persidangan yang dianjurkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dengan kerjasama *Malaysian Pharmacists Society (MPS)* pada 15 Ogos 2023.

Persidangan ini diadakan sebagai satu platform bagi perkongsian perkembangan terkini serta inovasi dalam bidang regulatori farmaseutikal dan kosmetik. NPRA telah memperkenalkan laluan alternatif pendaftaran produk farmaseutikal di Malaysia yang lebih responsif terhadap keperluan semasa seperti Pendaftaran melalui laluan *Priority Review*, Pendaftaran Bersyarat (*Conditional Registration*), Pendaftaran melalui laluan *Facilitated Registration Pathway (Reliance)*, Pendaftaran produk *Orphan Medicines (For Rare Diseases)* dan Pendaftaran secara *Conditional Registration of Pharmaceutical Products During Disaster*.

Majlis turut menyaksikan pelancaran buku '*coffee table*' sempena ulang tahun ke-45 NPRA. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan dan Puan Norhaliza bt A Halim, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi.





MAJLIS SIMBOLIK PENYERAHAN 583 UNIT KOMPUTER OLEH PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)



Majlis Simbolik Penyerahan 583 unit Komputer oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kepada YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah diadakan di Ibu Pejabat KKM, Putrajaya pada 15 Ogos 2023.

Sumbangan 583 komputer tersebut adalah bertujuan untuk membantu KKM dalam memperkukuhkan Program Imunisasi Kebangsaan (*National Immunisation Programme*) melalui sistem MyVAS. Agihan telah dilaksanakan melalui dua fasa di mana 350 unit komputer telah diagihkan kepada fasiliti dan klinik di 7 buah negeri bermula pada bulan Januari 2023 dibawah fasa pertama, manakala sebanyak 233 unit komputer telah diagihkan kepada baki 7 buah negeri bermula pada bulan Jun 2023 dibawah fasa kedua.

Majlis ini dihadiri oleh YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Rabindra Abeyasinghe, Wakil WHO ke Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, YBhg Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan pegawai-Pegawai Kanan Kementerian.

PERASMIAN HEALTHCARE FACILITY MANAGEMENT CONFERENCE & EXHIBITION 2023 (HCFM CONFEX 2023)



YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menyempurnakan perasmian *Healthcare Facility Management Conference & Exhibition 2023 (HcFM CONFEX 2023)* di Putrajaya pada 17 Ogos 2023.

HcFM CONFEX 2023 merupakan persidangan dan pameran Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang menampilkan sesi ceramah, perbincangan panel dan bengkel mengenai *trend* dan perkembangan terkini dalam perkhidmatan sokongan hospital. Tema “Pengurusan Kemudahan Penjagaan Kesihatan Mampan Melalui Teknologi dan Inovasi” (*Sustainable Healthcare Facility Management Through Technology and Innovation*) bertepatan dengan aspirasi kerajaan dan seruan KKM dalam amalan kelestarian hijau yang merangkumi elemen penarafan bangunan hijau, pengurusan tenaga, kualiti udara dalaman (IAQ) dan pengurusan sisa lestari melalui pendekatan *Reduce, Reuse, Recycle (3R)*. KKM terus komited untuk memastikan semua fasiliti kesihatan KKM mencapai sasaran neutral karbon, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk mencapai status negara sifar bersih (*net zero country*) seawal tahun 2050.

Turut hadir, YBhg. Dato’ Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan.



MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN KE - 10 PERKHIDMATAN REHABILITASI PEDIATRIK & PELANCARAN BUKU DIGITAL KENANGAN TERINDAH



Pada 18 Ogos 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke - 10 Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik Hospital Rehabilitasi Cheras dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Buku Digital Kenangan Terindah Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik HRC - “A Decade of Love, Joy and Hope” di Hospital Rehabilitasi Cheras.

Hospital Rehabilitasi Cheras (HRC) merupakan satu-satunya hospital di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan Program Perubatan Rehabilitasi Pediatrik untuk golongan kanak-kanak dan remaja kurang upaya fizikal bermula pada 18 Februari 2013. Antara aktiviti yang telah dirancang sempena sambutan ini adalah booth pameran, ceramah kesihatan, forum sembang petang, perkongsian pengalaman hidup dan Pelancaran Buku Digital Kenangan Terindah Perkhidmatan Rehabilitasi Pediatrik HRC - “A Decade of Love, Joy and Hope”.

Turut hadir ialah YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBr. Dr. Mohd Azman bin Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM, YBr. Dr. Nor'aishah binti Abu Bakar, Pengarah Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan YBr. Dr. Tan Cheong How, Timbalan Pengarah (Perubatan), Hospital Rehabilitasi Cheras.



SIJIL PENGIKTIRAFAN MALAYSIA BOOK OF RECORDS “PENYERTAAN TERBESAR DALAM ACARA X-BREAK SECARA VIRTUAL”

Pada 23 Ogos 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan menerima Sijil Pengiktirafan *Malaysia Book of Records* “Penyertaan Terbesar dalam Acara X-Break secara Virtual” di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Putrajaya.

Seramai 1,005,023 warga institusi pendidikan telah melakukan *X-Break* secara serentak melibatkan prasekolah/tabika, sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi seluruh negara. Penyertaan terbesar ini juga telah mengiktiraf KKM sebagai pemegang rekod kebangsaan dan terbesar melaksanakan *X-Break* secara serentak di Malaysia. *X-Break* atau aktiviti regangan ringkas merupakan salah satu inisiatif bagi mengelak budaya sedentari selain meningkatkan imuniti badan generasi muda. Pengiktirafan *Malaysia Book of Records* ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada pembudayaan hidup sihat kepada semua kumpulan sasar terutama murid sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi di samping mengekalkan momentum pelaksanaan inisiatif promosi kesihatan di semua institusi pendidikan seluruh negara.

Turut hadir, YB Tuan Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato’ Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBhg. Dato’ Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr. Nor Fariza binti Ngah, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) dan YBrs. En Edwin Yeoh Tiong Chin, Perunding Kanan, Malaysia Book of Records.





MAJLIS MENANDATANGANI NOTA PERSEFAHAMAN (NOU) KERJASAMA STRATEGIK BIDANG KESIHATAN DAN KEBOMBAAN

Majlis Menandatangani Nota Persefahaman (NoU) Kerjasama Strategik Bidang Kesihatan dan Kebombaan di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia pada 22 Ogos 2023.

Majlis yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan), Kementerian Kesihatan Malaysia ini telah disaksikan oleh YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan dan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan. Sesi Menandatangani NoU ini bertujuan untuk memperkukuhkan kerjasama strategik antara kedua-dua kementerian khususnya dalam usaha mengurangkan tempoh masa pemindahan pesakit dan pasukan perubatan di hospital atau fasiliti kesihatan seluruh negara.



Turut hadir ialah Yang Amat Setia Dato' Sri Abdul Wahab bin Hj. Mat Yasin, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Yang Berbahagia Datuk Dr. Norhayati binti Rusli Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).



MAJLIS PELANCARAN MADANI AFIAT PERINGKAT NEGERI JOHOR & GOTONG-ROYONG MEGA PERANGI AEDES 2.0



YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Pelancaran Madani Afiat Peringkat Negeri Johor dan Gotong-royong Mega Perangi Aedes 2.0 Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang SK Kampong Jawa, Sekijang, Johor pada 26 Ogos 2023.

Antara pengisian utama program ini adalah aktiviti “Touch Point” yang melibatkan pihak pengurusan tertinggi KKM, pemimpin masyarakat dan pasukan perubatan dalam menjalankan saringan kesihatan dari rumah ke rumah. Selain itu, KKM berpeluang menjalankan kerjasama bersama agensi-agensinya kerajaan dan swasta dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada pengunjung antaranya ialah PeKa B40, Pendaftaran Pendermaan Organ, *Breast Cancer Support Society* dan sebagainya. YB Dr Zaliha juga telah menyerahkan Sijil Pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) kepada pengusaha-pengusaha *food truck* yang mematuhi piawaian penyediaan makanan yang telah ditetapkan oleh KKM.

Turut hadir ialah YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Hj. Mohtar bin Pungut, Pengarah Kesihatan Negeri Johor YB Tuan Ling Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Negeri Johor dan YBrs. Encik Mohd Masni bun Wakiman, Pegawai Daerah Segamat.

YB MENTERI KESIHATAN MENGIKIRI LAWATAN YAB PERDANA MENTERI



Pada 3 September 2023 YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (HSAJB) diiringi oleh YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan.

Lawatan ini adalah untuk melihat keadaan persekitaran kawasan hospital serta fasiliti yang disediakan di hospital tersebut bagi memastikan perancangan naik taraf dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam lawatan yang berlangsung di bangunan Poliklinik yang mempunyai 24 buah klinik pakar, YAB Perdana Menteri telah mengunjungi Unit Fisioterapi, Farmasi dan beberapa klinik pakar. YAB Perdana Menteri juga sempat beramah mesra dengan pesakit-pesakit dan petugas-petugas kesihatan yang berada di sekitar hospital tersebut.

Turut hadir ialah, YBhg. Datuk Onn Hafiz bin Dato' Ghazi, Menteri Besar Johor, YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan, MINDEF dan YBr. Dr. Hj. Mohtar bin Pungut @ Ahmad, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor.



MAJLIS PERASMIAN MINGGU KESEDARAN PENDERMAAN ORGAN

Pada 7 September 2023 YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Kesedaran Pendermaan Organ Peringkat Kebangsaan 2023 di Auditorium Institut Kanser Negara, Putrajaya.

Objektif utama penganjuran minggu Kesedaran Pendermaan Organ yang merupakan acara tahunan adalah untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia berkaitan kepentingan pendermaan organ dalam menyelamatkan nyawa. Tema sambutan pada tahun 2023 adalah Derma Organ: Erti Sebuah Kehidupan. Tema ini dipilih bagi menyatakan bahawa terdapat simbiosis di antara pengorbanan seorang penderma dan penerima organ dalam menjalani sinar kehidupan yang baharu dengan penuh kesyukuran.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Asmayani Binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBrs. Dr. Mohd Anis Bin Haron, Pengarah Institut Kanser Negara dan YBrs. Dr. Abdul Ghani Bin Abdul Jalil, Pengarah Pusat Sumber Transplan Nasional.





SESI DIALOG BELANJAWAN 2024 KKM BERSAMA PIHAK INDUSTRI

YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah menghadiri Sesi Dialog Belanjawan 2024 Kementerian Kesihatan Malaysia Bersama Pihak Industri di Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan, Putrajaya pada 7 September 2023.

Lebih 100 peserta yang terdiri daripada peserta dari pelbagai sektor industri seperti farmaseutikal, teknologi maklumat, peranti perubatan, perkhidmatan sokongan hospital dan pengilang makanan. Sesi dialog ini diadakan bertujuan untuk untuk memantapkan penyediaan dokumen Belanjawan 2024 agar lebih inklusif, selaras dengan prinsip-prinsip yang diutarakan Ekonomi Madani dan Kertas Putih Kesihatan.

Sesi dialog ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) serta turut dihadiri oleh YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan dan YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KES

Pada 15 dan 16 September 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke Hospital Bintulu, Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA), Kidurong, Klinik Kesihatan Bintulu, Pusat Jantung Sarawak dan Klinik Kesihatan Batu Kawa bersempena dengan lawatan kerja ke Sarawak.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Disamping itu, YB Dr. Zaliha Mustafa juga turut meninjau cadangan tapak pembinaan Pusat Kanser Sarawak (PKS) di Kuching Sarawak, beliau melawat Tapak Pusat Kanser Sarawak yang dicadangkan adalah bersebelahan dengan Pusat Jantung Sarawak.

Turut hadir ialah YB Dato' Seri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Dato' Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak.

Hospital Bintulu



Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA) Kidurong



SIHATAN MALAYSIA KE SARAWAK

Klinik Kesihatan Bintulu



Pusat Jantung Sarawak (PJS)



Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA) Batu Kawa





SAMBUTAN HARI MALAYSIA

YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan dan YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Sambutan Hari Malaysia 2023 pada 16 September 2023 di Stadium Perpaduan, Kuching, Sarawak.

YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan majlis sambutan bertemakan 'Malaysia Madani Tekad Perpaduan Penuhi Harapan', yang menekankan kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia sebagai tonggak untuk merealisasikan harapan Malaysia MADANI 'Segulai Sejalai' merupakan cogan kata dalam bahasa Iban yang bermaksud 'Berjalan Seiringan' itu bertepatan dengan matlamat Kerajaan Perpaduan untuk mengukuhkan keharmonian rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Majlis sambutan juga dihadiri oleh Pemangku Yang Dipertua Negeri Sarawak Tan Sri Mohamad Asfia Awang Nassar serta isteri, Datuk Fatimah Mohamad Iskandar, YAB Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg serta isteri dan YAB Datuk Seri Hajiji Noor serta isteri.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KOMPLEKS DEWAN BEDAH, ICU DAN WAD TAMBAHAN (HKL)

Pada 25 September 2023, YB Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan dan YB Dato' Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Kompleks Dewan Bedah, ICU dan Wad Tambahan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Projek bangunan baharu tujuh (7) tingkat ini merupakan sebahagian projek pembangunan semula HKL dengan pembinaan semula Kompleks Dewan Bedah Urologi yang berhubung dengan Blok A Institut Urologi dan Nefrologi. Bangunan IUN baharu yang dijangka akan beroperasi secara berperingkat pada akhir Oktober 2023 ini dijangka dapat meningkatkan perkhidmatan rawatan sehingga tiga (3) kali ganda pesakit di Unit Rawatan AKUT hemodialisis dan (2) kali ganda pesakit di Unit Rawatan Rapi.

Turut hadir ialah YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool, Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg. Dato' Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM, YBrs. Tuan Ir. Shukri bin Ishak, Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan, JKR dan YBhg. Datin Paduka Dr. Rohana binti Johan Pengarah Hospital Kuala Lumpur.



MAJLIS PENUTUP BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG



YB Dr Zaliha Mustafa, Menteri Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Penutup Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Tahun 2023 di Putrajaya pada 29 September 2023.

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Peringkat KKM Tahun 2023 telah dilancarkan oleh beliau pada 20 haribulan Julai lalu dengan pelepasan kereta berhias sebagai simbolik pelancaran. Pelbagai aktiviti sepanjang Bulan Kebangsaan telah diadakan, antaranya Pertandingan Kereta Berhias, Pertandingan Keceriaan Merdeka Ruang Pejabat Antara Bahagian-Bahagian, dan Pertandingan Reka Cipta dan Barangan Terpakai. KKM turut mengadakan Pameran Sejarah Kemerdekaan, Pameran Evolusi Sektor Perkhidmatan Kesihatan Malaysia, Pameran dan Dekorasi Kemerdekaan Future Hospital dan Pameran dan Dekorasi Kemerdekaan Kertas Putih Kesihatan sebagai mengenang jasa dan bakti pejuang-pejuang kemerdekaan serta jerit-perih orang-orang terdahulu dalam merealisasikan pembangunan dan kejayaan sektor kesihatan di negara ini.

Turut hadir YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha, YBhg. Dato' Sri Norazman bin Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) dan YBhg. Datuk Dr. Norhayati Binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM LATIHAN SIMULASI GEBENG 2023



YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Program Latihan Simulasi Gebeng 2023 di Hotel Zenith, Kuantan pada 10 Julai 2023.

Latihan ini diadakan di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang bermula 10 hingga 12 Julai 2023 memberi fokus kepada kejadian bencana melibatkan bahan kimia, biologi, radiologi, nuklear, dan bahan letupan (CBRNe). Program ini merupakan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Sekretariat ASEAN dan *Global Affairs Canada (GAC)*. Ianya adalah salah satu aktiviti Rangkaian Pusat Operasi Kecemasan ASEAN (*ASEAN EOC Network*) di mana Malaysia merupakan negara peneraju yang dilantik bagi pelaksanaan aktiviti di bawah rangkaian tersebut. Latihan simulasi ini juga turut disertai oleh wakil daripada negara-negara anggota ASEAN iaitu Indonesia, Filipina, Brunei, Lao PDR, Thailand, Vietnam, dan Singapura.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM, YH Dato' Indera Dr. Nor Azimi Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong, Penasihat Kanan, Program Mitigasi Ancaman Biologi ASEAN, YBr. En. Michael Glen Penyelaras Program (Keselamatan Kesihatan), Program Mitigasi Ancaman Biologi ASEAN.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN

Pada 6 dan 7 Julai 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke fasiliti kesihatan di negeri Sabah. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Desa Sayap, Klinik Kesihatan Kundasang, Klinik Kesihatan Tamparuli dan Bangunan Projek Pusat Pakar Pergigian Sabah .

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status bangunan klinik yang sedang dinaik taraf dan kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir ialah YB Datuk Jonathan Yasin, Ahli parlimen P.179 Ranau, YBrs. Dr Noraziah Bakri, Pegawai kesihatan kawasan Tauran dan YBrs. Puan Jasnawati binti Jasmin, Timbalan Pengarah JKN Sabah (Pengurusan).

KLINIK KESIHATAN DESA SAYAP



KLINIK KESIHATAN KUNDASANG



KLINIK KESIHATAN TAMPARULI



MENTERI KESIHATAN KE SABAH

PROJEK PUSAT PAKAR PERGIGIAN



HOSPITAL TAWAU



KLINIK KESIHATAN TAMANG





Pada 9 dan 10 Julai 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke fasiliti kesihatan di negeri Pahang. Antara fasiliti yang dilawati adalah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Klinik Kesihatan Berserah, dan Klinik Desa Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut seperti Hospital Tengku Ampuan Afzan. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YH Dato' Indera Dr. Nor Azimi Yunus, Pengarah Kesihatan Negeri Pahang dan YBrs. Dr. Rahimah Ibrahim, Pengarah Hospital Tengku Ampuan Afzan. YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, KKM dan YH Dato' Indera Dr. Nor Azimi Yunus.

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)



A YBTMK KE PAHANG

Klinik Kesihatan Beserah



Klinik Kesihatan Tanjung Lumpur



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN M

Pada 17 Julai hingga 21 Julai 2023, YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa fasiliti kesihatan di negeri Sarawak. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), Klinik Kesihatan Balingian, Klinik Kesihatan Bintulu, Hospital Bintulu dan beberapa klinik-klinik kesihatan dan hospital di negeri Sarawak melibatkan daerah Bintulu, Mukah, Sarikei dan Sibuluan.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir, YBrs. Dr. Veroncia Lughah, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak (Kesihatan Awam), Dr. Azlee Bin Ayub, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Perubatan) dan Dr. Aminuddin Bin Mohd. Natar, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Pergigian).

KK Ibu & Anak Kidurong



KK Balingian



Hospital Bintulu



ENTERI KESIHATAN KE SARAWAK

KK Bintulu



Klinik Kesihatan Kuala Tatau



Klinik Kesihatan Komuniti Mukah



Klinik Kesihatan Kuala Balingian



Klinik Kesihatan Ibu & Anak (KKIA) Mukah



Hospital Mukah



Hospital Daro



Klinik Kesihatan Semop



Klinik Kesihatan Tanjung Manis



Klinik Kesihatan Rajang



Klinik Kesihatan Belawai



Klinik Kesihatan Balai



Klinik Kesihatan Sarikei



Hospital Sarikei



Hospital Sarikei



PROGRAM LARIAN “FUN RUN” KOMUNITI BERSEMPENA DENGAN MAJLIS PERSIDANGAN STROK MALAYSIA

YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan program larian “Fun Run” komuniti bersempena dengan majlis Persidangan Strok Malaysia 2023 di Taman Tasik Permaisuri, Cheras pada 30 Julai 2023.

Objektif utama program “Fun Run” ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mengenali tanda-tanda awal strok dan langkah-langkah awal untuk menghalang strok dari berlaku. Dianggarkan 1 dari 4 orang dewasa mengalami serangan strok dan jumlah pesakit strok juga menunjukkan peningkatan yang ketara. Persidangan yang diadakan hari ini turut membincangkan keperluan peningkatan penjagaan komprehensif strok daripada pencegahan kepada rawatan selepas strok.

Turut hadir, YBrs. Dr. Sapiah Sapuan, Ketua Perkhidmatan Neurologi KKM, YBrs. Professor Madya Dr. Hoo Fan Kee Pengerusi *Stroke Council & Malaysia Stroke Conference 2023*, YBrs. Dr. Law Wan Chung, Presiden Malaysian Society of Neurosciences, YBrs. Dr. Irene Looi, Pengerusi Malaysia Stroke Academy, YBrs. Dr. Wan Asyraf Wan Zaidi, Naib Pengerusi Malaysia Stroke Council dan YBrs. Dr. Khairul Azmi Ibrahim, Pengerusi Saintifik, Malaysia Stroke Conference 2023.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KES

Pada 26 dan 27 Julai 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke 4 fasiliti kesihatan di Selangor dan Kuala Lumpur. Antara fasiliti yang dilawati adalah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Bandar Tun Razak, Klinik Kesihatan (KK) Petaling Bahagia, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Langat dan Klinik Kesihatan Sungai Lang.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir bersama ialah YB Dato' Dr. Ahmad Yunus, Ahli Parlimen Kuala Langat, YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) KKM, Dr Umami Kalthom Binti Shamsudin, Pengarah Bahagian Kesihatan Awam, YB Terasa Kok, Ahli Parlimen Seputeh dan YBhg. Datin Dr. Haliza Binti Abdul Manaf, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

PEJABAT KESIHATAN DAERAH KUALA LANGAT



KLINIK KESIHATAN PETALING BAHAGIA



SIHATAN KE SELANGOR & KUALA LUMPUR

KLINIK KESIHATAN BANDAR TUN RAZAK



KLINIK KESIHATAN SUNGAI LANG



KLINIK KESIHATAN DESA TUMBUK DARAT



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN M

Pada 3 dan 4 Ogos 2023, YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke 4 fasiliti kesihatan di negeri Sabah. Antara fasiliti yang dilawati adalah Hospital Sentosa, Klinik Kesihatan Kota Sentosa, Klinik Kesihatan Samarindah, Klinik Kesihatan Serian, Hospital Serian dan Hospital Serian.

Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau status kemudahan kesihatan yang akan memberi manfaat kepada penduduk yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan di kawasan tersebut. Selain itu, penambahbaikan fasiliti kesihatan di kedua-dua klinik dan hospital ini akan memberi keselesaan kepada petugas-petugas kesihatan dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Turut hadir ialah YB Wilfred Yap Yau Sin, ADUN N.12 Kota Sentosa, YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, YBrs. Dr. Veroncia Lugah, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Kesihatan Awam) dan Dr. Azlee bin Ayub, Timbalan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (Perubatan).

HOSPITAL SENTOSA



KLINIK KESIHATAN KOTA SENTOSA



ENTERI KESIHATAN KE SARAWAK

KLINIK KESIHATAN SAMARINDAH



KLINIK KESIHATAN SERIAN



HOSPITAL SERIAN



KLINIK KESIHATAN IBU DAN ANAK SERIAN



KLINIK KESIHATAN SIBURAN



KLINIK KESIHATAN TABUAN JAYA



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2022



Pada 13 Ogos 2023 YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Bahagian Miri di Dynasty Hotel, Miri.

Majlis ini diadakan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penjawat-penjawat awam atas komitmen cemerlang yang ditunjukkan sepanjang perkhidmatan pada tahun 2022. Anugerah ini telah disampaikan kepada 119 orang petugas kesihatan yang terdiri daripada Pejabat Kesihatan Bahagian Miri, Pejabat Kesihatan Daerah Marudi, Pejabat Pergigian Bahagian Miri dan Pejabat Farmasi Bahagian Miri.

Turut hadir YBrs. Dr. P Raviwharmman A/L Packierisamy, Pegawai Kesihatan Bahagian Miri, YBrs. Dr. Wong Khung Ying, Pegawai Kesihatan Daerah Marudi, YBrs. Puan Eileen Yi Sze Shin, Ketua Program Farmasi Bahagian Miri, YBrs. Dr. Franklin Richard Seling, Ketua Program Pergigian Bahagian Miri dan YBrs. Dr. Juay Harn Jiang, Pengarah Hospital Marudi.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI KESIHATAN KE KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA)

Pada 10 Ogos 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan beliau ke Pejabat Kesihatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Kaunter 'Thermal Scanner' dan Pusat Kuarantin Kesihatan Terminal 1 KLIA.

Lawatan ini adalah untuk melihat prosedur mengesan suhu di pintu masuk antarabangsa KLIA sebagai langkah pencegahan dan pengawasan jangkitan penyakit COVID-19 dan demam kuning. Selain itu, Pejabat Kesihatan KLIA sentiasa komited dalam memastikan tiada kemasukan sebarang jenis penyakit berjangkit dan tidak berjangkit ke Malaysia melalui penglibatan dan penyertaan yang berterusan dari semua pihak selain memantau dan menyelia aktiviti kawalan vektor bagi mewujudkan negara yang sihat melalui perkhidmatan kesihatan yang diberikan.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBhg. Dato' Indera Dr Sha'ari B Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, YBrs. Dr. Wan Noraini Wan Mohamed Noor, Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, YBrs. Mohamed Shaharil Amir, Unit Jaminan Kualiti & Pematuhan, Mas Kargo dan YBrs. Dr. Mohd Nasir bin Habib, Pegawai Kesihatan KLIA.

KAUNTER 'THERMAL SCANNER' DAN PUSAT KUARANTIN KESIHATAN



PEJABAT KESIHATAN LAPANGAN TERBANG (KLIA)



MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN LEAN HEALTHCARE PERINGKAT ANTARABANGSA

Pada 15 Ogos 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah menyempurnakan perasmian Persidangan *Lean Healthcare* Peringkat Antarabangsa 2023 di Putrajaya.

Persidangan peringkat antarabangsa yang berlangsung selama dua hari ini merupakan sambutan pelaksanaan 10 tahun *Lean Healthcare* di KKM di samping menyemarakkan semula semangat pembudayaan 'Lean' di hospital dan klinik. Peserta persidangan kali ini adalah seramai 430 orang, terdiri daripada kakitangan KKM, hospital swasta, hospital universiti, hospital angkatan tentera, juga wakil dari negara-negara serantau Asia seperti Brunei, Indonesia dan China.

Pelaksanaan *Lean* telah membantu menambah baik proses kerja antaranya masa menunggu mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan, klinik-klinik pakar dan makmal ujian diagnostik, mengurangkan kesilapan dalam proses rawatan (*medical error*) seterusnya menjamin keselamatan pesakit, meningkatkan tahap efisiensi dan produktiviti hasil proses kerja yang lebih mudah tanpa pertindihan kerja dan pembaziran, serta mencetus budaya kerja berpasukan, menghormati pendapat rakan sekerja ke arah menggerakkan aktiviti penambahbaikan secara berterusan.



MAJLIS KICK OFF PROJEK INTERVENSI C-HAT



Pada 29 Ogos 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Kick Off Projek Intervensi C-Hat bertempat di SK St Thomas, Kuching, Sarawak.

Program ini merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan penglibatan ahli PIBG / PIBKS dan kolaborasi bersama *United Nation Children's Fund (UNICEF)* dalam melaksanakan Inisiatif Pemerksaan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG): Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT). Matlamat utama program ini adalah untuk memastikan aktiviti pemakanan dan kesihatan ke arah menangani masalah obesiti di sekolah dengan berpandukan kepada satu modul intervensi komprehensif yang melibatkan komponen pemakanan, aktiviti fizikal, senaman, kesihatan minda dan psikologi yang telah dibentuk.

Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, YBrs. Puan Rusidah Selamat, Bahagian Pemakanan KKM dan YBrs. Dr. Les anak Met, Timbalan Pengarah (Sektor Pembelajaran) Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.



PERASMIAN PERSIDANGAN SAINTIFIK MENGENAI OBESITI 2023

Pada 4 September 2023, YB Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Persidangan Saintifik mengenai Obesiti 2023 anjuran Persatuan Kajian Obesiti Malaysia (MASO) di Hotel Marriot, Putrajaya.

Obesiti diklasifikasikan sebagai “penyakit” yang merupakan faktor risiko utama yang menyumbang kepada pelbagai penyakit kronik seperti diabetes, darah tinggi atau hipertensi, strok, penyakit jantung dan beberapa jenis kanser. Peningkatan kematian pramatang di Malaysia juga sebahagiannya disebabkan oleh obesiti.

Turut hadir bersama ialah Prof Madya Dr. Geeta Appannah, Presiden MASO, Prof. Profesor Dr. Hazizi Abu Saad, Naib Presiden MASO dan Puan Fatimah Zurina Mohammad, Bahagian Pemakanan, KKM.



PERASMIAN PERSIDANGAN HTASIALINK



Pada 5 September 2023, YB Lukanisman Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan perasmian Persidangan HTAsiaLink yang ke-11 di Putrajaya.

Persidangan ini dianjurkan bersama oleh Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS), Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) dan diadakan setiap tahun secara bergilir di kalangan negara-negara ahli di rantau ini. Malaysia amat berbesar hati menjadi tuan rumah pada tahun ini. Tema persidangan bagi tahun ini ialah “Reshaping and Reshifting Health Technology Assessment (HTA) in Navigating the Future Landscape.” Seramai lebih daripada 300 delegasi dari 21 negara, yang terdiri daripada agensi HTA, ahli akademik, penyelidik, pelajar dan pembuat dasar telah menghadiri persidangan ini. Objektif utama persidangan ini adalah untuk memberi peluang kepada penyelidik membentangkan hasil penyelidikan mereka dan berbincang bersama pakar antarabangsa mengenai isu-isu kesihatan semasa.

Turut hadir, YBrs. Dr. Mohd Azman Yacob, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, YBhg. Prof Dr. Asrul Akmal Shafie, Pengarah Pusat Perancangan dan Strategik Institusi USM dan YBrs. Dr Izzuna Mudla Mohamed Ghazali, Timbalan Pengarah, Bahagian Perkembangan Perubatan KKM





PELANCARAN SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS) PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PELEPASAN KEMBARA SEKOLAH



Pada 8 September 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan dan YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pendidikan telah menyempurnakan Pelancaran Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) Peringkat Kebangsaan dan Pelepasan Kembara Sekolah 2023 di Putrajaya.

BMSS merupakan salah satu inisiatif di bawah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang bertujuan untuk merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera menerusi pembudayaan hidup sihat dengan pendekatan *whole of nation*; meningkatkan literasi kesihatan rakyat; dan mengukuhkan solidariti promosi kesihatan melalui kolaborasi antara agensi kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr Norhayati binti Rusli, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam), YBhg. Datuk Dr Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan), YBhg. Dato' Zainal Azman bin Abu Seman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), dan Tuan Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Sektor Pembangunan Profesionalisme.



ISTIADAT KONVOKESYEN INSTITUT LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (ILKKM 2023) ZON SARAWAK



Y B Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia 2023 (ILKKM 2023) Zon Sarawak di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kuching pada 9 September 2023.

Istiadat konvokesyen tahun ini meraikan 8,643 graduan. Istiadat yang berlangsung selama enam (6) hari bermula di Zon Sarawak ini akan diteruskan di Zon Sabah dan berakhir di Zon Semenanjung. Majlis menyaksikan seramai 1,195 graduan daripada pelbagai bidang di ILKKM pada Istiadat Konvokesyen Zon Sarawak kali ini. Tema Istiadat Konvokesyen 2023 adalah “Graduan ILKKM Cemerlang, Pendukung Kesihatan Madani”. Tema ini adalah bertepatan dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menyediakan tenaga kerja yang terlatih dan kompeten sebagai pendukung sistem penyampaian kesihatan negara.



Turut hadir bersama ialah YBrs. Noor Aini binti Ahmad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan, YBrs. Dr. Ooi Choo Huck, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sarawak, YBrs. Puan Nadiyah Binti Ismail, Timbalan Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan (Institut Latihan), YBrs. En. Azlan Bin Ahmad, Timbalan Setiausaha BPL (Operasi Latihan), YBrs. Hadzrul Hani Binti Masbop, Timbalan Setiausaha BPL (Dasar Latihan), En. Rajendran A/L P. Karayaganam, Pengarah ILLKM Kuching (Kesihatan Awam), YBrs. Puan Ng Lee Cheng, Timbalan Pengarah Akademik ILKKM Kuching dan Puan Noriza binti Isnawi, Pengarah ILKKM Sibu (Kejururawatan).



SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-10 INSTITUT KANSER NEGARA

Pada 20 September 2023, YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Institut Kanser Negara.

Sambutan yang bertemakan “10 Tahun: Melakar Kejayaan, Menggalas Harapan” ini sekaligus meraikan pencapaian serta menyaksikan evolusi lonjakan transformasi teknologi dalam bidang perawatan kanser di negara ini. IKN berpeluang untuk menyebarkan pelbagai maklumat mengenai penyakit dan risiko kanser kepada masyarakat. Orang awam juga turut berpeluang untuk menjalani saringan kesihatan secara percuma, termasuk saringan untuk kanser payudara, kanser paru-paru dan kanser serviks.

Turut hadir ialah YBhg. Dato’ Dr. Asmayani binti Khalib, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), YBrs. Dr Puteri Norliza binti Megat Ramli, Timbalan Pengarah (Perubatan I), IKN, dan YBhg. Puan Nori Abdullah, Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia (PENYAYANG).





PERASMIAN APRON WALK 2023 BERSEMPENA SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA




Pada 24 September 2023, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian *Apron Walk* 2023 bersempena Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 dan Sambutan Ulangtahun CODEX ke-60 di Anjung Floria, Putrajaya.

Acara yang melibatkan 1,000 orang peserta ini juga diadakan selari dengan sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (*Wellness Month*) yang disambut sepanjang September setiap tahun dengan menekankan pembudayaan hidup sihat sebagai matlamat kesihatan oleh individu, keluarga dan masyarakat. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menitikberatkan usaha memperkukuhkan kawalan keselamatan makanan negara dengan melaksanakan pelbagai strategi dan intervensi. Aktiviti pemantauan ke atas premis dan produk makanan yang dijual di pasaran juga dijalankan secara berterusan.



Turut hadir, YBrs. Ts. Norrani binti Eksan Pengarah Kanan Keselamatan & Kualiti Makanan dan YBrs. Encik Sazly Azzizuddin bin Sahaimi



MAJLIS MENANDATANGANI PIAGAM PROJEK ANTARA PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA) & UNIT PEMODENAN TADBIRAN & PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Majlis menandatangani Piagam Projek antara Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya pada 6 September 2023.

Majlis yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, KKM dan YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad, Ketua Pengarah, MAMPU adalah bagi menandatangani Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan Sistem Aplikasi *Medical Device Centralised Online Application System (MeDC@St) 3.0* antara Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dengan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Pihak MAMPU akan memberi bimbingan dan nasihat kepada pihak MDA berkenaan aspek Pembangunan Sistem dan Pengurusan Pangkalan Data dalam pelaksanaan kajian keperluan bisnes dan kajian keperluan sistem bagi tujuan pembangunan Sistem *MeDC@St 3.0*. Sistem *MeDC@St 3.0* ini mempunyai 9 modul utama antaranya ialah Modul Lesen *Establishment*, Modul Pendaftaran Peranti Perubatan, Modul Pendaftaran Badan Penilaian Pematuhan dan Modul Permohonan Notifikasi Peranti Perubatan.

Turut hadir YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan YBr. Dr. Fazidah Binti Abu Bakar, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU.



PELANTIKAN YBHG DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG SEBAGAI KETUA SETIAUSAHA (KSU) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan diri ke ibu pejabat KKM di Putrajaya pada 26 September 2023.

Seluruh warga kerja KKM ingin mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah dan Selamat Datang kepada YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang selaku KSU KKM yang baru.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Datuk Dr Muhammad Radzi bin Abu Hassan, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Zainal Alhakab Seman, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob, Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan YBhg. Datuk Dr Nor Fariza binti Ngah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal).



SESI RIADAH PETANG DI PUTRAJAYA

Pada 27 September 2023, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyertai Sesi Riadah Petang di Putrajaya.

Turut serta adalah barisan pengurusan tertinggi KKM. Ianya selari dengan sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera iaitu dengan membudayakan hidup sihat melalui aktiviti seperti 'Briskwalk' dan Senamrobik 'Body Combat'. Semarakkan semangat untuk lebih sihat dan sejahtera bersama keluarga dan rakan. Budayakan hidup sihat, sihat sepanjang hayat.

